

Projek rumah kerajaan guna IBS meningkat

Cheras: Projek perumahan kerajaan dibangunkan menerusi sistem binaan berindustri (IBS) atau kediaman pasang siap meningkat sebanyak 91.5 peratus, berbanding hanya 84 peratus direkodkan pada 2021.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sebanyak 1,913 projek perumahan kerajaan menggunakan sistem itu tahun ini kerana ia menjadi pilihan kontraktor kerana menjimatkan kos, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing dan membolehkan projek perumahan disiapkan lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

“Penggunaan IBS sebenarnya sudah lama di negara kita, ia sangat dinamik, malah teknologinya masih relevan. Ia wajar diperluas bagi memastikan kita tidak ketinggalan dengan negara maju lain dan memastikan teknologi ini dimanfaatkan sebaiknya.

“Perkembangan bagi projek kerajaan juga sangat membanggakan. Terdapat peningkatan memangsangkan tahun demi tahun. Dari 2020, penggunaan IBS sebanyak 79.5 peratus dan kemudian naik kepada 84 peratus, manakala tahun ini melonjak kepada 91.5 peratus.

“Begitu juga dengan pelaksanaan IBS bagi projek swasta, sebanyak 60 peratus projek menggunakan teknologi ini pada 2021 dan tahun sebelumnya, hanya 41 peratus penggunaan IBS direkodkan,” katanya.

Beliau berkata demikian sele-



Alexander (tengah) melawat rumah contoh IBS pada Majlis Perasmian Rumah Contoh IBS Bersempena Majlis BINA 2023 di Pusat Konvensyen CIDB, Cheras, semalam. (Foto BERNAMA)

pas Majlis Perasmian Rumah Contoh IBS Bersempena Majlis BINA 2023 di Pusat Konvensyen CIDB, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Ir Ahmad Asri Abdul Hamid.

Alexander berkata, pembinaan menggunakan IBS turut boleh digunakan bagi individu yang me-

miliki tanah persendirian.

Tiada permohonan

Katanya, individu yang berminat membina kediaman tidak perlu membuat sebarang permohonan kepada CIDB, sebaliknya boleh terus mendapatkan perkhidmatan kontraktor yang menawarkan IBS.

Dalam pada itu, Alexander turut optimis hasrat membina sejuta unit rumah mampu milik menggunakan teknologi IBS

yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dapat direalisasikan menjelang 2028.

“Menerusi Dasar Perumahan Mampu Milik Negara, kerajaan mewajibkan pembinaan perumahan menggunakan IBS khas untuk B40.

“Melalui dasar ini, ia dilaksanakan sejak 2018 hingga 2028, iaitu selama 10 tahun dan kita yakin ia dapat direalisasikan dengan sebaiknya,” katanya.